



Bot laju yang menggantikan feri ikonik bagi membawa penumpang pejalan kaki di Pulau Pinang.

## 357,898 pejalan kaki guna bot laju

**GEORGETOWN** - Seramai 357,898 pejalan kaki telah menggunakan perkhidmatan bot laju (katamaran) sejak Januari sehingga Oktober lalu selepas perkhidmatan itu diperkenalkan untuk menggantikan feri ikonik Pulau Pinang.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata, perkhidmatan bot laju bagi penumpang pejalan kaki dianggap mendapat sambutan yang memberangsangkan berdasarkan rekod penumpang yang dikemukakan kepada kerajaan negeri setiap bulan.

Menurutnya, peningkatan rekod penumpang secara konsisten juga dicatatkan setelah kerajaan negeri mempertuntukkan subsidi dengan membiayai tambang bot laju kepada semua penumpang pejalan kaki (warganegara Malaysia) sejak 1 Julai lalu.

"Perkhidmatan itu juga mendapat

sambutan baik oleh pengguna kerana lebih selesa, selamat dan cepat berbanding feri lama," katanya dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini pada Rabu.

Zairil menjawab soalan lisan Muhammad Faiz Fadzil (**Amanah-Permatang Pasir**) berhubung jumlah penumpang bot laju itu sejak dilancarkan serta sama ada perkhidmatannya mendapat sambutan pengguna.

Menjawab soalan tambahan Datuk Muhammad Yusoff Mohd Noor (**UMNO-Sungai Dua**) sama ada sekurang-kurangnya sebuah feri ikonik Pulau Pinang dapat dikekalkan untuk membawa penumpang pejalan kaki, Zairil berkata, perkara yang sama juga telah diminta kerajaan negeri kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) sebelum ini.